

KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK

FATWA BIL. 25

**HUKUM PENGHASILAN PRODUK MINYAK IKAN (CRUDE FISH OIL)
DARIPADA SISA IKAN MENTAH**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang bersidang pada tarikh 25 Zulhijjah 1442H bersamaan 4 Ogos 2021M telah memperaku untuk menerima pakai keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) Kali Ke-117 sebagai Irsyad Hukum (Panduan Hukum) mengenai Hukum Penghasilan Produk Minyak Ikan (Crude Fish Oil) daripada Sisa Ikan Mentah. Jawatankuasa telah memutuskan bahawa Penghasilan *Crude Fish Oil* daripada sisa ikan mentah adalah **diharuskan dengan syarat** penggunaan *Crude Fish Oil* tersebut **perlu melalui proses penyulingan dan penyucian yang bersesuaian dan selamat** untuk kegunaan manusia sebelum digunakan untuk penyediaan makanan.

Tarikh : 29 Julai 2022
No. fail : MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD. 9
Status Fatwa : Tidak Warta

Saya yang menjalankan amanah


(SS. DATO' HAJI ZAMRI BIN HASHIM)
Timbalan Mufti Negeri Perak